



PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
17600 JELI, KELANTAN.

KENYATAAN SEBUT HARGA

Ruj. Kami : PJJ(P):469/JLD.5(46)
Tarikh : 21 Rejab 1447H
11hb. Januari 2026M

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang beralamat di Jajahan Jeli yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan gred, kategori, dan pengkhususan yang berkaitan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) berdaftar di Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli dan masih dibenarkan membuat tawaran :-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
SEBUT HARGA NO.: PTJJ(P)1/2026	KERJA-KERJA MEMBINA LINTASAN DAN MENAIK TARAF JALAN KAMPUNG SUNGAI TUPAI, KAMPUNG SUNGAI TUPAI, DUN KUALA BALAH, JELI, KELANTAN	G1	CE / CE01, CE21

Kontraktor yang layak dan berminat untuk menyertai sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi **PENDAFTARAN** dan **TAKLIMAT SEBUT HARGA** pada tarikh, masa, dan tempat yang ditetapkan dengan membawa bersama **DOKUMEN ASAL YANG TERKINI SAHAJA** seperti berikut:-

- Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB),
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),
- Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB),
- Sijil Perakuan Pendaftaran (SSM),
- Cop Rasmi Syarikat,
- Kad Pengenalan asal penama / tuan punya syarikat.

TARIKH PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT	18/01/2026 (AHAD)
MASA PENDAFTARAN	JAM 08:00 PAGI HINGGA 10:00 PAGI
TEMPAT PENDAFTARAN	ARAS 1 PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
MASA TAKLIMAT	JAM 10:15 PAGI
TEMPAT TAKLIMAT	BILIK GERAKAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
LAWATAN TAPAK	TIDAK DIWAJIBKAN TETAPI DIGALAKKAN
TEMPAT PEMBELIAN BORANG	BAHAGIAN PEMBANGUNAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN JELI
TARIKH PEMBELIAN BORANG	18/01/2026 (AHAD) HINGGA 22/01/2026 (KHAMIS)
MASA PEMBELIAN BORANG	JAM 09:00 PAGI HINGGA 04:00 PETANG

- 1) Penyebut harga **DIWAJIBKAN MENDAFTAR DAFTAR PEMBORONG BAGI TAHUN 2026** terlebih dahulu sebelum dibenarkan membuat pembelian borang sebut harga.
- 2) Hanya **PENAMA / TUAN PUNYA SYARIKAT YANG SAH SAHAJA** dibenarkan mengambil bahagian dalam sebut harga ini. Wakil / rakan kongsi kontraktor yang tiada nama dalam pendaftaran CIDB tidak layak untuk terlibat dalam sebut harga ini.
- 3) **KEBENARAN KHAS (KK) CIDB TIDAK DIBENARKAN** menyertai sebut harga ini.
- 4) Kontraktor hendaklah atas inisiatif sendiri melawat tapak berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan sebut harga ini.
- 5) Dokumen sebut harga boleh dibeli **SECARA TUNAI** dengan harga **RM50.00** senaskah diatas nama **KETUA JAJAHAN**, Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli pada tarikh, masa, dan tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan sebut harga ini.
- 6) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dengan mencatatkan **TAJUK** dan **NO. SEBUT HARGA** di bahagian atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang disediakan oleh Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli sebelum atau pada **22/01/2026 (KHAMIS) JAM 12:00 TENGAHARI**.
- 7) Pejabat Tanah Dan Jajahan Jeli tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan serta tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SHAMSUL BAHARIN BIN ISA)

Timbalan Ketua Jajahan

b.p: KETUA JAJAHAN JELI